

09 AUG 1997

Fly-Kejayaan

LANGKAWI FLY-IN 1997 CAPAI KEJAYAAN

LANGKAWI, 9 Ogos (Bernama) -- Konvensyen dan Pameran Oshkosh East Fly-In Langkawi 1997 yang berakhir di sini semalam mencapai kejayaan dan matlamat untuk memupuk minat golongan remaja dan pelajar dalam bidang penerbangan.

Ini jelas terbukti apabila ramai pelajar menyertai forum penerbangan yang menekankan aspek penerbangan di samping penyertaan hampir 300 pelajar dalam program "young eagles joy ride".

Pengurus Kanan Le Proton Lima Sdn Bhd Megat Nawawi Megat Hamid berkata kira-kira 12,000 orang mengunjungi Langkawi Fly In itu yang disertai kira-kira 60 pesawat ringan dari dalam dan luar negara.

Antara pesawat yang dipamerkan ialah pesawat jenis Cessna, Merlin GT, Zodiac, Piper Seneca 1 dan Eagle X-TS buatan Malaysia dengan komponennya dikeluarkan di Melaka dan dipasang di Australia.

Konvensyen dan pameran selama lima hari itu yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipenuhi dengan pelbagai program termasuk majlis forum mengenai industri penerbangan, tayangan gambar dan pertandingan seperti pesawat terbang kawalan jauh, penerjunan dan kit plane terbuka kepada pelajar dan golongan dewasa.

Megat Nawawi berkata kejayaan itu selaras dengan hasrat menjadikan Langkawi Fly In 1997 sebagai asas kepada usaha memperkenalkan industri penerbangan kepada pelajar dan remaja.

Kadet Udara Langkawi yang disertai 30 pelajar dari Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL) turut diberi peluang dalam penerbangan di bawah program "young eagles joy ride" sempena Fly in 1997 itu.

Katanya apa yang penting ramai pelajar Langkawi mendapat manfaat daripada Fly In itu kerana menikmati keseronokan terbang di udara.

Pertunjukan kapal terbang kawalan jauh bertaraf antarabangsa, Giichi Naruke dari Jepun yang juga juara dunia dalam sukan itu turut menarik perhatian.

Tidak ketinggalan ialah pertunjukan payung terjun oleh sekumpulan penerjun dari Tentera Udara Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan sebuah kelab penerbangan dari Wilayah Persekutuan. -- BERNAMA

ZI AKD